



Home > News

Space-X offers free unlimited satellite data for all for 12 months

BY Najib 7:06 p.m 07/22/2023 Comment



Share on Facebook

Share on Twitter



Space-X has successfully **launched their first satellite** , A-SEANSAT-PG1 into space last month. It is a low-orbit (LEO) satellite very similar to the **Starlink** satellite . **For comparison, the MEASAT-3D** satellite which **was launched last year** , is located at a distance of more than 35,000km from the earth.


Sehubungan itu, Angkasa-X kini menawarkan data satelit percuma untuk semua agensi kerajaan, universiti dan syarikat yang menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan rangkaian aplikasi Pemantauan Bumi (Earth Observation, EO) dan Sistem Pengecaman Automatik (Automatic Identification Systems, AIS), selama 12 bulan mulai Julai 2023.



Pengerusi Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Angkasa-X, Dr Sean Seah, berkata tawaran perkongsian data itu adalah secara percuma kepada semua pihak yang berminat, susulan kejayaannya melancarkan satelit orbit rendah bumi (LEO) pertama buatan tempatan, A-SEANSAT-PG1 bulan lalu ke angkasa lepas dan berjaya menghantar isyarat kembali ke stesen bumi.

“Kami teruja dengan inisiatif ini dan menekankan manfaat besar yang dibawa oleh tawaran ini kepada Malaysia. Dengan pencapaian penting ini, Angkasa-X menawarkan organisasi tempatan, baik dalam sektor awam mahupun swasta akses percuma kepada rangkaian aplikasi Earth Observation (EO) dan Automatic Identification Systems (AIS) untuk tempoh 12 bulan bermula Julai 2023,” katanya dalam satu kenyataan.

Dengan aplikasi Pemantauan Bumi yang disediakan oleh Angkasa-X, ia meliputi penggunaan seperti pengurusan dan pemantauan pertanian, pemetaan penggunaan tanah, pemantauan dan pemetaan laut, pemantauan sempadan dan kawasan, serta banyak lagi. Ia boleh membantu syarikat untuk membuat keputusan dengan cepat dan tepat, meningkatkan kecekapan dan mempromosi amalan lestari.



Aplikasi Sistem Pengesanan Automatik oleh Angkasa-X pula menawarkan Pengesanan dan Pengenalpastian Kapal, Pengurusan Trafik Pelabuhan, Bantuan Carian & Menyelamat serta pemantauan tangkapan ikan secara haram dan pencerobohan ke kawasan laut yang di kawasan terlarang. Ia penting untuk memastikan keselamatan di laut.

Pelancaran satelit A-SEANSAT-PG1 adalah langkah pertama daripada perancangan Angkasa-X untuk membina gugusan satelit LEO mereka di angkasa. Satelit ini akan direka dan dihasilkan di

Malaysia, oleh rakyat Malaysia sendiri, sebagai usaha untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pemain industri utama teknologi angkasa lepas.

Kepada yang berminat untuk mendapatkan data satelit percuma ini, boleh layari laman web www.angkasax-innovation.com atau emel ke enquiry@angkasa-x.com.

Tags: A-SEANSAT-PG1 Space-X



Najib

